

# Halangan Untuk Dekatkan Wanita Dengan Kuasa

Wanita juga belajar dari zaman kanak-kanak lagi untuk tidak menonjolkan diri dalam arena publik. Selepas itu halangan lain timbul dalam bentuk *double burden* – obligasi keluarga dan obligasi kerja

Oleh DR. SHANTHI THAMBAIAH



**H**ARI ini kebanyakan negara di dunia telah menerima wanita dan lelaki sebagai warganegara yang saksama di bawah perlembagaan dan undang-undang. Tetapi hak-hak legal yang saksama tidak semestinya membawa kepada penyertaan dan perwakilan wanita dan lelaki yang saksama dalam politik. Ini bukan bermaksud bahawa hanya wanita yang harus mewakili wanita tetapi kita harus menyoal dan memikirkan fakta mengapa sesuatu sistem perwakilan mengehadkan atau kadangkala menghalang penyertaan wanita secara aktif. Disebabkan had-had ini maka boleh dikatakan bahawa wanita tidak menikmati status kewarganegaraan yang sepenuhnya. Ini dapat dibuktikan kerana bilangan mereka yang terlibat secara aktif dalam politik masih rendah. Wanita di negara kita masih ke belakang dari segi kesaksamaan dalam bidang politik jika dibandingkan dengan negara Finland, Norway dan Sweden di mana satu per tiga daripada parliamentarian yang dipilih adalah wanita.

Terdapat dua sebab mengapa wanita Malaysia tidak dapat sampai ke peringkat tertinggi dalam hierarki politik. Pertama, anak-anak perempuan disosialisasikan untuk menolak kerjaya politik kerana dianggap tidak sesuai untuk wanita. Wanita juga belajar dari zaman kanak-kanak lagi untuk tidak menonjolkan diri dalam arena publik. Selepas itu halangan lain timbul dalam bentuk *double burden* – obligasi keluarga dan obligasi kerja. Penglibatan wanita yang rendah dalam politik biasanya dijelaskan kerana *double*

*shift* yang masih wujud untuk wanita seperti tanggungjawab wanita dalam keluarga, kerja domestik dan kerja-kerja pemeliharaan. Ini membataskan pilihan, mobiliti serta tenaga yang diperlukan untuk penglibatan dalam politik publik secara berterusan kerana tidak ada perkongsian lelaki dalam tugas-tugas ini.

Sebab kedua ialah politik parti itu sendiri di mana wanita tidak dicalonkan atau tidak dipilih untuk menjawat portfo-

terperangkap di antara kesaksamaan formal dalam perlembagaan dan peminggiran isu status dan hak wanita kepada undang-undang agama dan personal. Ini menandakan sempadan kuasa yang terhad untuk wanita dan menerangkan juga mengapa penglibatan mereka terbatas dalam politik sebagai warganegara yang aktif dan lengkap. Wanita tidak menikmati hak kewarganegaraan yang sepenuhnya walaupun mereka berhak

untuknya dalam perlembagaan dan undang-undang negara. Selain daripada itu wanita juga memainkan tanggungjawab mereka sebagai warganegara dengan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti komuniti serta dalam badan-badan kebajikan dan bukan kerajaan.

Penglibatan wanita yang rendah dalam politik adalah sesuatu yang biasanya diabaikan dalam teori politik. Sekadar memberi peluang-peluang yang sama adalah tidak memadai memand-

angkan status kewarganegaraan wanita dari segi penyertaan hakiki mereka yang lebih aktif dalam politik publik masih terhad. Oleh itu adalah wajar untuk menyoal isu perwakilan wanita yang rendah dalam politik negara.

Fokus untuk perubahan progresif harus diberi kepada sistem politik negara yang sedia wujud tetapi pada masa yang sama perlu ada usaha-usaha mendefinisian semula politik itu sendiri untuk mengambil kira pengalaman serta keperluan wanita bagi menjamin prinsip-prinsip asas kewarganegaraan dipatuhi supaya mewakili semua pihak dalam sesebuah negara.

\* Prof. Madya Dr. Shanthi Thambiah ialah Penyelaras Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.



Wanita perlu terlibat dalam politik kerana ia menjadi sebahagian daripada tugas kewarganegaraan mereka

lio-portfolio yang dianggap penting untuk kemajuan dalam bidang politik.

Walau bagaimana pun terdapat juga wanita di negara-negara seperti India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan Filipina di mana status wanita adalah rendah tetapi mereka berjaya menapak ke peringkat tertinggi dalam hierarki politik. Kebanyakan daripada wanita ini telah mendapat kedudukan politik yang tinggi kerana bapa atau suami mereka telah meninggalkan suatu legasi kepimpinan yang menarik atau telah dianiayai atau dibunuh akibat penglibatan mereka dalam politik. Maka kewujudan pemimpin-pemimpin wanita ini tidak membawa erti bahawa wanita secara keseluruhan adalah aktif dalam politik negara mereka.

Keadaan wanita Malaysia ialah mereka